Kegagalan asas adalah merangkumi kegagalan dalam menaksirkan keadaan sebenar struktur tanah beban yang di pikul atau kecuaiian dalam mereka bentuk struktur asas, ataupun kerana mengalami masalah enapan. Jadi, faktor-faktor di atas perlu dipertimbangkan dan dianalisa bagi menjamin kestabilan superstruktur. Terdapat 2 jenis asas yang digunakan dalam pembinaan iaitu asas cetek dan asas dalam atau asas cerucuk. (Buku Rujukan UPM)

### 3.2.2.1 Asas Cetek

Asas cetek adalah asas yang memindahkan beban binaan kepada tanah di bawah iaitu pada dasar sub-struktur. Asas cetek hendaklah selamat daripada kegagalan ricih tanah yang menyokongnya dan tidak mengalami perubahan enapan. Kebanyakan asas cetek adalah asas konkrit mudah.

Jenis-jenis asas cetek adalah seperti berikut :-


- i. Asas pad



**Rajah 3.1 : Jenis Asas Pad**

(Sumber : Barley, A.D. and Woodward, M.A. (1992))


ii. Asas rakit



**Rajah 3.2 : Asas Rakit**

(Sumber : Barley, A.D. and Woodward, M.A. (1992))

iii. Asas jalur



**Rajah 3.3 : Asas Jalur**

(Sumber : Barley, A.D. and Woodward, M.A. (1992))

**a) Cerucuk Galas Hujung**

Cerucuk galas hujung ini dibina pada lapisan tanah yang keras atau lapisan batuan yang berupaya menanggung beban bangunan yang diagihkan dan disebarkan oleh cerucuk. Saiz cerucuk lazimnya lebih besar dan panjang. ( Barley and Woodward, 1992)

**b) Cerucuk Geseran**

Cerucuk ini terdiri daripada cerucuk yang mempunyai permukaan kulit luar yang kasar. Ia melalui beban melalui daya geseran di antara tanah dan kulitnya yang kasar tadi dan jarak di antara satu sama lain haruslah rapat. (Barley and Woodward, 1992)

**c) Cerucuk Gabungan**

Cerucuk ini adalah kombinasi dua cerucuk iaitu cerucuk geseran dan cerucuk galas hujung.

### **3.4 Kaedah Penanaman Asas Dalam Atau Asas Cerucuk**

Di Malaysia, antara kaedah yang di gunakan ialah:-

1. Kaedah 'Drop Hammer'
2. Kaedah 'Micro piles'
3. Kaedah 'Bore Piles'
4. Kaedah 'Injection'

### 3.4.1 Kaedah 'Drop Hammer'

Kaedah ini amat senang kerana ia menggunakan beban jatuh bebas. Beban yang digunakan mestilah tidak melebihi 10 tan. Sebelum beban hendak digunakan dalam penghentakan cerucuk, ia akan dikira dengan formula iaitu **Hiley's Formula**. (Bruce, 1984).

#### **Kelebihan :**

- Murah.
- Cepat.
- Senang di perolehi.
- Ekonomik.
- Memerlukan kawasan yang luas dan bebas.
- Berkualiti.

#### **Keburukan :**

- Bising.
- Cerucuk berisiko untuk patah dan pecah.
- Jentera yang mudah rosak.
- Mementingkan keselamatan yang tinggi.





**Gambarfoto 3.1 : Jentera 'Drop Hammer'**

### 3.4.2 Kaedah 'Micro Piles'

Kaedah ini sangat rumit dan memerlukan lebih penelitian. Ia memerlukan masa yang lebih untuk menyiapkan satu 'point' kerana proses penanaman yang sukar dan berisiko. (Bruce, 1984).

#### **Kelebihan :**

- Cerucuk yang di perolehi sangat kuat.
- Tidak terlalu bising.
- Boleh tanam di kawasan yang kecil.

#### **Keburukan :**

- Kos yang mahal
- Penanaman yang lambat.
- Cara kerja yang kotor.



**Gambarfoto 3.2 : Jentera ‘Micro piles’**

### 3.4.3 Kaedah 'Bore Piles'

Kaedah ini sama dengan 'micro piles', saiznya lebih besar dari 'micro piles'. Untuk 'grouting' di tukar dengan konkrit.

#### **Kelebihan :**

- Cerucuk yang di perolehi sangat kuat.
- Tidak bising.
- Boleh tanam di kawasan yang kecil dan besar.

#### **Keburukan :**

- Kos yang sangat mahal
- Penanaman yang lambat.
- Cara kerja yang kotor.





**Gambarfoto 3.3 : Jentera 'Bore Piles'**

### 3.4.4 Kaedah 'Injection'

Kaedah ini sangat cepat dan ekonomik. Cara penanaman di tanam sehingga mencapai tekanan yang di 'set'. Berat jentera ini biasanya 120 tan. Ia juga menggunakan m/Pa. (Bruce, 1984).

#### **Kelebihan :**

- Penanaman sangat cepat.
- Cara kerja yang bersih.
- Jenteranya boleh di jadikan sebagai 'Load Test'.
- Tidak bising.

#### **Keburukan :**

- Pergerakan jentera yang lambat.
- Jika 'pile' telah di 'set', pergerakan jentera terbatas dan perlu dipotong.
- Kos yang lebih mahal.





**Gambarfoto 3.4 : Jentera 'Injection'**

### **3.5 Kriteria Rekabentuk & Pemilihan Asas Cerucuk**

Pemilihan jenis-jenis asas cetek yang bersesuaian kebiasaannya bergantung kepada ;

- a) Magnitud
- b) Penempatan serta penyusunan beban-beban struktur
- c) Nilai keupayaan galas tanah selamat
- d) Sifat-sifat enapan tanah

Sebagaimana yang telah dinyatakan, fungsi utama asas adalah untuk memindahkan beban ke lapisan di bawahnya. Oleh itu, dua faktor yang paling utama yang mempengaruhi rekabentuk asas ialah beban dan keadaan tanah. Selain itu ada faktor-faktor lain seperti kos dan teknologi turut mempengaruhi rekabentuk asas. (Pritchard, D. 2007)

#### **3.5.1 Kriteria Rekabentuk Asas**

Pelbagai kehendak dalam merekabentuk asas mestilah memenuhi prasyarat bagi keselamatan, kebolehpercayaan dan ketahanan fungsinya serta faktor ekonomi. Berikut adalah tiga kriteria rekabentuk asas dalam skop kejuruteraan tapak. (Pritchard, D. 2007)

##### **a) Faktor Keselamatan**

Keselamatan terhadap Kegagalan Keupayaan Galas FK diperlukan bagi mengurangkan kebarangkalian terhadap kegagalan keupayaan galas. Pemilihan faktor keselamatan bergantung kepada umur jangkaan sesuatu struktur, akibat-akibat yang mungkin berlaku bila asas gagal, pengetahuan tentang profile sub tanah dan pengetahuan

tentang berlakunya beban maksima.  $FK = 2.5$  hingga  $3.0$  biasanya digunakan bagi kebanyakan bangunan dan didapati berkesan. (Sumber : Sitifatimah (2007))

#### **b) Had-had Enapan**

Jumlah enapan mestilah kecil bagi mengelakkan kerosakan pada pelbagai pemasangan perkhidmatan dengan enapan kerbezaan biasanya lebih kritikal. Kebiasaannya sukar meramalkan enapan kerbezaan dari jumlah enapan kerana ketidakseragaman tanah. Namun begitu didapati enapan kerbezaan boleh dikaitkan dengan jumlah enapan. Oleh itu menghadkan jumlah enapan selalunya digunakan bagi mengawal enapan kerbezaan sesebuah bangunan/struktur. Enapan yang dibenarkan sehingga  $25\text{ mm}$  adalah spesifikasi yang biasa digunakan dalam sesebuah bangunan komersil. (Sumber : sitifatimah (2007))

#### **Jumlah enapan boleh direndahkan dengan cara-cara berikut ;**

- menjalankan/melakukan lebih banyak penyiasatan tapak (sample lebih banyak).
- mengurangkan nilai tekanan galas yang dibenarkan yang diagihkan pada asas/tapak.

#### **Enapan kerbezaan boleh dikurangkan dengan cara-cara berikut ;**

- menyediakan saiz asas yang berbeza bergantung pada beban yang ditanggung oleh setiap asas.
- Struktur yang panjang boleh dipecahkan kepada beberapa unit kecil

**c) Kedalaman Asas**

Pada amnya kedalaman asas mestilah sampai ke kedalaman yang secukupnya.

(Dokumen JKR)

- selamat dari perubahan isipadu tanah akibat dari cuaca bagi mengelakkan pergerakan struktur berlebihan akibat dari perubahan tersebut.
- Bahaya air yang meresip melalui bawah tanah kerana ia boleh memberi kesan kepada kestabilan asas.
- Diletakkan dilokasi yang selamat, berpandukan struktur di kawasan bersebelahan (jika ada).
- Kedalaman minima yang diamalkan oleh JKR ialah 5 kaki (1.5 m).

## BAB 4.0

### PROSES PENANAMAN 'MICRO PILES'

#### 4.1 Pendahuluan

Kajian praktikal ini lebih kepada prosedur, bahan-bahan dan ujian semasa penanaman 'micro piles'. Secara umumnya, penulis telah melihat dua kaedah penanaman 'micro piles' yang berbeza. Penulis telah di tempatkan di tapak UiTM Shah Alam selama sebulan. Di UiTM Shah Alam, cara penanaman yang sangat ringkas.

Di tapak Sek. Jenis Keb. Tamil, Sentul, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penulis juga di tugaskan untuk memantau proses penanaman 'micro piles'. Penulis mendapati cara penanaman 'micro piles' berbeza dengan di tapak UiTM Shah Alam.

Setelah proses penanaman siap, ia akan di uji dengan menggunakan 'PDA Test' dan 'Load Test' (Ujian Beban) untuk menentukan kekuatan cerucuk jenis 'micro piles'.

#### 4.2 Ciri-Ciri 'Micro Piles'

Asas cerucuk 'Micro piles' di pilih oleh pihak perunding bagi projek Pembinaan Dewan Siswa Di UiTM Shah Alam dan projek Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, Sentul, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adalah sama dan berhubungkait antara satu sama lain.

Antara ciri-ciri utama yang terdapat dalam proses penanaman 'micro piles' ialah:


1. Diameter 'casing' 300mm ke bawah
2. Tetulang yang bersaiz Y12
3. Menggunakan 'grouting' daripada gred 30
4. Menggunakan kaedah pengorekan.



### 4.3 Peralatan 'Micro Piles'

#### 4.3.1 Jentera Gerudi ( Drilling Rig)

Jentera 'micro piles' digunakan untuk mengorek lubang pada titik tanda yang telah disediakan. Jentera ini di kawal pada panel kawalan yang terletak pada bahagian belakang jentera. Jentera ini juga digunakan untuk memasukkan tetulang atau paip kedalam lubang yang telah dikorek.



Gambarfoto 4.1: Jentera Gerudi

### 4.3.2 Mata Gerudi (Hammer Bit)

Mata gerudi digunakan untuk mengorek dan memecahkan tanah dan batu. Bagian ini diperbuat daripada berlian. Ini bagi memudahkan kerja-kerja pengorekan. (Rujuk Gambarfoto 4.2 dan Gambarfoto 4.3)



**Gambarfoto 4.2 : Mata Gerudi Tanah**



**Gambarfoto 4.3 : Mata Gerudi Batu**

#### 4.3.3 Sarung Besi Kekal (Permanent Casing)

Ia digunakan berdasarkan pelan yang diterima daripada pihak perunding. Diameternya 250mm dan 12m panjang. Tujuannya untuk mengawal lebih simen 'grout'. Kebiasaanya ia akan kekal bersama simen 'grout' dan akan dipotong pada aras tanah. Ia mestilah dibuat dengan 'stainless steel', seperti yang diketahui umum, 'stainless steel' mampu menahan karat bebanding 'mild steel'.



**Gambarfoto 4.4: Sarung Besi Kekal dengan diameter 250mm dan 12m panjang**

#### 4.3.4 Tangki Air Plastik (Poly Tank)

Berfungsi untuk menyimpan 'cement grout' sebelum dimasukkan ke dalam lubang. Ia akan di 'pump' dan disalurkan menggunakan paip. Tangki ini digunakan kerana tidak berkarat dan senang dibawa ke tempat bina. Selain itu juga, ia akan membantu tekanan yang maksimum ke atas paip 'grout'.




**Gambarfoto 4.5: Tangki Air Plastik (Poly Tank).**



#### 4.3.5 Tetulang (Reinforcement)

Saiz tetulang Y12 dan R6 digunakan. Y12 dijadikan tetulang untuk cerucuk dan R6 dijadikan 'link' pada tetulang untuk menambahkan kekuatan cerucuk.



**Gambarfoto 4.6: Tetulang R6 dan Y12**

#### 4.3.6 Tekanan Udara (Air Compressor)

Digunakan untuk menyalirkan air dan 'simen 'grout'. Ia mempunyai tekanan udara yang tinggi dan boleh mencederakan pekerja yang berhampiran.



**Gambarfoto 4.7: Jentera Tekanan yang 2000 k/Pa ke bawah**



**Gambarfoto 4.8: Jentera Tekanan yang 2000 k/Pa ke atas**



#### 4.3.7 Tangki Gas (Oxy Tank)

Digunakan untuk memotong tetulang dan sarung besi. Tangki angin akan membantu tangki gas untuk mendapatkan api yang tajam dan mampu memotong besi yang amat keras. Ia boleh digunakan bagi pekerja yang mahir sahaja. Alat ini sangat bahaya dan boleh mendatangkan kemalangan pada mereka yang berhampiran.



**Gambarfoto 4.9: Tangki Gas (Oxy Tank)**

#### 4.3.8 Kelengkapan Pemateri (Welding Set)

Untuk menyambung besi. Pemateri ini bertujuan untuk menyambung besi dengan besi untuk mendapatkan panjang besi yang diinginkan oleh perunding. Ia tidak bahaya kepada pekerja yang ingin bekerja dan cara penggunaan alat pemateri tetapi hendaklah melakukan pengawasan agar kemalangan kecil tidak berlaku.



**Gambarfoto 4.10: Kelengkapan Pemateri (Welding Set)**

#### 4.3.9 Rod Penyambung (Extension Rod)

Untuk menyambung rod gerudi. Rod yang didapati dalam (gambarfoto 4.11) ialah rod penyambung yang digunakan untuk menyambung rod gerudi. Panjang sebatang rod biasanya 3m dan ia perlu disambung sehingga pada kedalaman yang sesuai.



**Gambarfoto 4.11: Rod Penyambung (Extension Rod)**

#### 4.3.10 Pam Perekat (Grout Pump)

Untuk menyalirkan simen 'grout' ke dalam lubang. Pam ini sesuai untuk perekat sahaja, ia tidak boleh digunakan untuk mengeringkan air yang bertakung. Kelemahannya, paip penyambung mudah tercabut dan kemungkinan berlaku kemalangan kecil di tapak bina.



**Gambarfoto 4.12: Pam Perekat (Grout Pump)**

#### 4.3.11 Pam Air (Water Pump)

Untuk menyalirkan air yang ke dalam tangki 'poly' bagi tujuan pembancuhan perekat. Pam ini biasanya digunakan untuk mengeringkan air yang bertakung dan menghalang kerja-kerja penyambungan pembinaan.



**Gambarfoto 4.13: Pam Air (Water Pump)**



#### 4.4 Cara Penanaman 'Micro Piles'

##### 4.4.1 Pendahuluan

Sebelum proses penanaman, tanda pada tapak hendaklah dikenal pasti supaya tidak berlaku kesilapan pada tanda. Tanda untuk cerucuk di tanda oleh juruukur berlesen. Untuk memulakan penanaman, mestilah mendapat keizinan penyelia tapak yang bertugas. Seorang penyelia untuk cerucuk juga disediakan untuk menyelia proses-proses yang terlibat. Hasil daripada pengalaman penulis yang telah ditugaskan menyelia cerucuk jenis 'micro piles', penulis mendapati, seorang operator jentera, dan tiga orang pembantu operator disediakan.

Apabila proses penanaman dimulakan, jenis tanah akan diambil setiap 3m dan dimasukkan dalam plastik untuk dijadikan rujukan agar tidak bertentangan dengan penyiasatan tanah 'Soil Investigation' (SI). Selepas itu, rekod akan di buat oleh penyelia cerucuk untuk proses-proses penting di tapak.



Gambarfoto 4.14 : cerucuk 'micro piles'



#### 4.4.2 Tetulang (Reinforcement)

Sebelum proses pengorekan, tetulang mestilah disediakan terlebih dahulu. Untuk 'micro piles', tetulang yang digunakan ialah Y12 dan R6. Y12 untuk dijadikan tetulang yang luar dan kuat. Ia diikat dengan R6 yang dijadikan 'link'. Panjang Y12 ialah 12m. Cara penyambungan antara Y12 dengan Y12 ialah cara tindih kasih (lapping).



**Gambarfoto 4.15: tetulang yang telah diikat.**

#### **4.4.3 Pengorekan (Drilling)**

Proses pengorekan ini sangat rumit dan terperinci bagi mengelakkan kesilapan pada 'point' yang akan dikorek. Pada pengalaman penulis, terdapat dua (2) cara untuk penanaman cerucuk jenis 'micro piles'. Cara kering dan cara basah.

Jika laporan (SI) menunjukkan keadaan tanah jenis lembut dan tidak mempunyai batu yang banyak, cara kering akan digunakan. Jika sebaliknya, cara basah akan digunakan.

##### **1. Cara Kering**


Tanah akan dikorek sehingga akan mencapai tanah keras (hard layer). Paip jenis API akan digunakan bagi menggantikan tetulang Y12 dan R6. Tanamkan paip dan bersedia untuk di 'grout' (perekat).

##### **2. Cara Basah**

'Casing' akan dimasukkan dalam tanah dan dijadikan pengorek. Sampai pada batu, mata gerudi akan dimasukkan dan batu akan dikorek sedalam 5m. batu itu akan dijadikan E.O.B (End Of Borehole). Tetulang akan dimasukkan kedalam lubang dan sedia untuk di 'grout'.

#### 4.4.3.1 Cara Kerja 1 ( Cara Basah)


'Casing' akan dijadikan 'starter', ia akan diletakkan pada 'point' yang akan di 'pile'. 'Casing' ini akan berputar atau menjadi gerudi. Cara kerja ini semasa penulis ditempatkan di tapak Sek. Rendah. Jenis. Keb. Tamil. Sentul.WPKL.



**Gambarfoto 4.16: 'Casing'(atas), mata gerudi batu(bawah)**

## KERJA CERUCUK : MICRO PILES


Mata gerudi batu akan dimasukkan dan batu akan di gerudi sehingga 5m untuk dijadikan soket. Sebelum itu, tanda yang disediakan hendaklah betul dan diperiksa oleh penyelia tapak atau penyelia cerucuk.



**Gambarfoto 4.17 : penyambungan mata gerudi batu**



Batu akan digerudi bersama dengan air bagi mengelakkan kerosakan mata gerudi. Tekanan air yang tinggi akan mengeluarkan sisa tanah bercampur batu.



**Gambarfoto 4.18 : Pengorekan pada batu**

Penyambungan 'casing' akan dilakukan jika batu tadi telah menembusi atau melebihi 5m. Ia akan dipanggil 'cavity' (lubang semasa pengorekan pada batu).



**Gambarfoto 4.19: Penyambungan pada 'casing'**

Penyambungan rod dilakukan untuk memanjangkan rod. Rod juga akan disambung pada mata gerudi batu dan tanah. Pengunci rod diguna bagi memudahkan penyambungan rod dilakukan.



**Gambarfoto 4.20: Pengunci Rod**


Rod akan disambung jika tidak mencapai kedalaman yang diinginkan. Pada umumnya, panjang rod ialah 3m dan perlu disambung bagi kedalaman yang sesuai dan dikatakan E.O.B (End Of Borehole)



**Gambarfoto 4.21 : Penyambungan Rod**



Setiap tiga meter (3m) akan diambil sampel tanah bagi tujuan rujukan. Sampel tadi akan disimpan, ianya akan dijadikan sebagai tanda pengorekan telah dilakukan pada tanda yang telah disediakan.



**Gambarfoto 4.22 : Sampel Tanah**

'Casing' akan ditinggalkan apabila proses pengorekan siap. Rekod akan diambil dan dibuat oleh penyelia 'micro piles'.



**Gambarfoto 4.23: 'Casing' yang telah siap di tanam**

#### 4.4.3.2 Cara kerja 2 (Cara Kering)

Proses ini sangat senang kerana 'casing' tidak diperlukan. Ia hanya korek sampai tanah keras 'hard layer', tanam paip, dan 'grout'.




Gambarfoto 4.24: 'Point' yang ditanda akan dikorek.

1. Kaedahnya hampir sama dengan **cara kerja 1**, yang membezakan ialah tanpa penggunaan 'casing'.



4.4.4 Penanaman Tetulang (Reinforcement )



Gambarfoto 4.25: Carta aliran penanaman tetulang

1. Sebelum tetulang ditanam, kedalaman lubang yang dikorek akan diambil bacaan dan direkod.
2. Panjang tetulang akan diukur bagi memastikan kedalaman lubang yang dikorek.
3. Takal (Hoist) pada jentera akan digunakan untuk mengangkat tetulang.
4. Setelah tetulang dimasukkan kedalam lubang, bacaan yang kedua akan diambil bagi mengelakkan kesilapan.
5. Lubang ini (point) sedia untuk proses 'grouting'.



#### 4.4.5 Perekat (Grouting)



**Gambarfoto 4.26 : Carta Proses Perekat (Grouting) 1**

1. Simen, air dan, sika akan dicampurkan bersama-sama.
2. Campuran tadi akan dimasukkan kedalam tangki, penapis digunakan bagi mengasingkan bahan-bahan terbuang.
3. Campuran tadi akan dikacau supaya menjadi lebih likat.
4. Hos paip disambung kedalam lubang.



**Gambarfoto 4.27 : Carta Proses Perekat (Grouting) 2**

5. Pam dan tekanan udara akan digunakan untuk menyalurkan perekat 'grout' ke dalam lubang.
6. Hos paip akan diletakkan dalam lubang.
7. Kerja perekat akan dihentikan apabila perekat melimpah keluar.
8. Perekat akan dibiarkan kering 24jam.



#### 4.4.6 Penyediaan Kiub

1. Saiz kotak kiub mestilah 100mm x 100mm x 100mm.
2. Semasa proses perekat, perekat juga akan diambil dan dimasukkan kedalam acuan.
3. Perekat tadi akan dibiarkan kering, tarikh dan nombor 'point' akan ditulis pada kiub.
4. Selepas kering, kiub tadi akan direndam dalam tangki.



**Gambarfoto 4.28 : Acuan Kiub**



**Gambarfoto 4.29 : Kiub direndam**

## 4.5 Jenis Ujian Cerucuk


### 4.5.1 Ujian Kiub

Ujian kiub dijalankan untuk menguji kekuatan konkrit atau perekat dalam proses pembinaan bangunan. Gred yang digunakan ialah gred 30 (G30). Apabila sampai tarikh ujian kiub, kiub itu mestilah mencapai tempoh matang 7 dan 28 hari dari tempoh perekat dilakukan. Kiub akan dikeluarkan dari tangki yang mengandungi rendaman kiub. Untuk ujian kiub yang pertama ialah 7 hari dimana kekuatan kiub mestilah mencapai 20KN/mm<sup>2</sup> dan 28 hari 30KN/mm<sup>2</sup>.



**Gambarfoto 4.30 : Kiub yang telah sedia untuk diuji.**

#### 4.5.1.1 Kaedah ujian kiub



**Gambarfoto 4.31 : Carta aliran ujian kiub.**

1. Kiub akan ditimbang.
2. Kiub dimasukkan kedalam unit ujian.
3. Keputusan akan diketahui apabila tekanan yang dikenakan telah sampai ke tahap maksima.
4. Keadaan kiub selepas ujian.

#### 4.6 Kerja-kerja ujian beban

Kerja – kerja ujian beban dijalankan adalah untuk memeriksa keupayaan tanggung muktamat dan juga memeriksa keutuhan struktur cerucuk setelah ditanam. ‘Point’ yang dipilih untuk menjalani ujian cerucuk adalah ‘point’ yang nampak lain dari yang lain . Berikut adalah butir-buir mengenai ujian cerucuk yang telah dijalankan:-

<b>Cylinder Power Team</b>	200 Tonne
<b>Cylinder Effective Area</b>	41.29 Sq In
<b>Working Load’</b>	50 Tonne
<b>Load Of Test</b>	100 Tonne ( Double cycle )
<b>From Calculation</b>	1 Tonne = 53 Psi

##### 4.6.1 Alatan yang digunakan

- Meter bacaan mendapan.
- ‘Magnetic bases’
- Jek hidraulik
- Pemberat
- Rasuk



#### 4.7 Ujian beban cerucuk

Ujian ini dijalankan dalam 2 pusingan dimana beban yang dikenakan adalah sama pada setiap pusingan. Untuk permulaan, beban dikenakan ialah 12.50 tan dan ditambah setiap 1 jam sebanyak 12.50 tan. Bacaan pada meter mendapan perlulah diambil setiap 15 minit dan apabila beban mencapai 50 tan pada pusingan pertama, beban akan dikekalkan selama 12 jam sebelum beban dikurangkan semula pada setiap 1 jam sebanyak 12.50 tan. Apabila semua beban telah dikurangkan hingga mencapai 0 tan, cerucuk akan dibiarkan selama 1 jam untuk melihat mendapan yang terhasil melalui pusingan pertama.

Setelah habis tempoh 1 jam, beban akan dikenakan sekali lagi bermula dari 12.50 tan dan ditambah setiap 1 jam sebanyak 12.50 tan. Untuk pusingan kedua, beban yang dikenakan digandakan melebihi beban kerja dalam pusingan pertama. Dalam pusingan ini, beban yang dikenakan ialah 100 tan dan dikekalkan selama 24 jam dan bacaan diambil setiap 1 jam. Setelah tamat tempoh 24 jam, beban akan dikurangkan 25 tan setiap 1 jam sehingga mencapai bacaan 0 tan. Setiap bacaan yang diambil akan dicatatkan.



**Gambarfoto 4.32 : Ujian beban cerucuk**



KERJA CERUCUK : MICRO PILES

Jack	No	Tonne	Psi	Duration ( hour )
Load	1	12.50	663	1
Load	2	25.00	1325	1
Load	3	37.50	1988	1
Load	4	50.00	2650	Maintain 12 hour
Unload	1	37.50	1988	1
Unload	2	25.00	1325	1
Unload	3	12.50	663	1
Unload	4	0	0	1
Load	1	12.50	663	1
Load	2	25.00	1325	1
Load	3	37.50	1988	1
Load	4	50.00	2650	1
Load	5	62.50	3313	1
Load	6	75.00	3975	1
Load	7	87.50	4638	1
Load	8	100.00	5300	Maintain 24 hour
Unload	1	75.00	3975	1
Unload	2	50.00	2650	1
Unload	3	25.00	1325	1
Unload	4	0	0	1

**Rajah 4.1 : Ujian Cerucuk**

## **BAB 5**

### **MASALAH KAJIAN DAN CARA MENGATASI**

#### **5.1 Pengenalan**

Masalah dalam industri pembinaan adalah sesuatu yang lazim berlaku. Setiap masalah yang berlaku tidak kiralah masalah yang melibatkan bahan binaan, pekerja, cuaca dan juga jentera pasti akan menyebabkan gangguan terhadap perjalanan pembinaan. Setiap sub-kontraktor haruslah mempunyai pendekatan yang pelbagai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Jika masalah – masalah yang dihadapi tidak dapat diselesaikan dengan bijak oleh pihak sub-kontraktor ianya akan menyebabkan pelbagai masalah berlaku seperti pihak kontraktor mungkin dikenakan denda lebih masa kerana tidak dapat mematuhi jadual kerja yang disediakan selain itu kemungkinan besar projek yang sedang dikendalikan akan ditarik balik.

Sepanjang berada di tapak bina, penulis telah melihat pelbagai masalah yang berlaku didalam industri pembinaan tetapi didalam bab ini penulis hanya akan merungkaikan masalah-masalah dan juga langkah mengatasi yang melibatkan masalah dalam kerja-kerja penanaman cerucuk jenis ‘micro piles’ daripada awal hingga akhir.

## 5.2 Masalah Kajian

Kerja – kerja penanam cerucuk perlulah dilakukan dengan penuh berhati – hati kerana kesilapan yang berlaku akan menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan kerja – kerja pembinaan yang lain. Didalam bab ini, penulis akan menfokuskan masalah-masalah yang berlaku sewaktu kerja penanaman cerucuk ‘micro piles’ dilakukan. Masalah – masalah yang berlaku kebanyakan adalah masalah-masalah yang biasa berlaku apabila kerja – kerja penanaman cerucuk dilakukan dan terdapat juga masalah yang disebabkan oleh kecuaiian pekerja semasa proses penanaman berlaku.

Masalah – masalah yang akan dirungkaikan oleh penulis adalah seperti berikut :-

1. Pencemaran bunyi semasa kerja – kerja penanaman dilakukan.
2. Masalah yang dihadapi oleh mesin cerucuk.
3. Kesukaran untuk mengambil rekod.
4. Penyimpanan tempat seperti simen dan tetulang.

### 5.2.1 Pencemaran bunyi semasa kerja – kerja penanaman

Bunyi bising semasa penanaman cerucuk adalah masalah yang paling sering dihadapi semasa kerja-kerja penanaman cerucuk dilakukan. Ini kerana, tekanan yang dikenakan pada ‘hammer bit’ akan mengeluarkan bunyi yang bising yang secara ringkasnya menyebabkan pencemaran bunyi.

Memandangkan kerja – kerja penanaman cerucuk ini dilakukan berhampiran dengan blok sekolah maka bunyi bising semasa kerja – kerja penanaman cerucuk yang terhasil menyebabkan beberapa masalah kepada guru serta pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sentul.

Masalah yang berlaku adalah bunyi bising yang terhasil menyebabkan para pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sentul. tidak dapat menumpukan perhatian semasa proses pembelajaran dijalankan.

Selain itu, bunyi bising yang terhasil semasa kerja – kerja penanaman cerucuk dilakukan menyebabkan komunikasi diantara guru dan pelajar terganggu.



**Gambarfoto 5.1 : Kerja penanaman cerucuk yang berhampiran kawasan sekolah.**

### **5.2.2 Masalah yang dihadapi oleh mesin cerucuk.**

Masalah yang dihadapi oleh mesin cerucuk merangkumi masalah-masalah yang menyukarkan mesin cerucuk untuk bergerak. Bagi penanaman cerucuk di tapak bina Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, terdapat 2 (dua) masalah yang menyebabkan kesukaran mesin cerucuk untuk bergerak iaitu :-

#### **1. Masalah 1**

Tanah yang lembut seperti yang terdapat di tapak projek Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil menyebabkan ianya mendap apabila mesin cerucuk melaluinya. Oleh kerana tanah mendap apabila mesin cerucuk melaluinya risiko untuk cerucuk yang ditanam tidak lurus atau tegak adalah tinggi.



**Gambarfoto 5.2 : Permukaan tanah ditapak bina yang lembut.**



## 2. Masalah 2

Kesilapan pekerja merancang 'point' yang mana harus ditanam cerucuk terlebih dahulu dan kesilapan dalam pengurusan tapak yang tidak menguruskan tempat untuk penyimpanan cerucuk dengan betul. Masalah ini akan menyebabkan mesin cerucuk sukar untuk bergerak kerana ruang kerja yang kecil atau minima.



**Gambarfoto 5.3 : kesilapan semasa 'marking' 'point'**

### **5.2.3 Kesukaran untuk membuat soket.**

Soket akan dibuat pada batu bagi kaedah basah. Apabila batu yang hendak dibuat soket, ianya telah menembusi pada kedalaman 5m. Bagi masalah ini, ianya melibatkan kesukaran membuat soket.

### **5.2.4 Tempat menyimpan bahan-bahan pembinaan cerucuk.**

Kebanyakan bahan-bahan binaan cerucuk 'micro piles' mudah rosak seperti simen, sika, dan tetulang atau paip. Hal ini, mestilah dititikberatkan agar hasil yang dibina menepati spesifikasi cerucuk. Bahan ini sensitif pada suhu dan alam sekitar.

### **5.3 Langkah mengatasi masalah**

#### **5.3.1 Bunyi Bising**

Bagi masalah yang melibatkan bunyi bising semasa proses pengorekan dilakukan,

Langkah penyelesaiannya ialah :-

1. Menggunakan kalis bunyi pada jentera.
2. Menggunakan cara kerja basah.
3. Menggunakan mata gerudi tanah.

### 5.3.2 Mesin Cerucuk.

#### Masalah 1

Bagi masalah yang melibatkan kesukaran mesin cerucuk untuk bergerak terdapat kaedah penyelesaian iaitu:-

Menggunakan kepingan keluli sebagai alas atau pelantar untuk jentera bergerak dengan lancar tanpa gangguan dan mengelakkan kehilangan tanda.



**Gambarfoto 5.4 : Kepingan keluli**

Penggunaan kepingan keluli adalah langkah yang paling efisien dalam menyelesaikan masalah tanah lembut di tapak bina. Kepingan keluli tersebut akan disusun terlebih dahulu sebelum mesin hentakan melaluinya. Selain mengatasi masalah permukaan yang lembut ianya juga mampu menyelesaikan masalah permukaan tanah yang tidak rata.

#### Masalah 2


Memerlukan tenaga mahir dalam membuat 'marking point'. Tenaga mahir dalam membuat tanda yang tepat bagi mengelakkan kesilapan berulang.

### 5.3.3 Membuat Soket.

Soket diperlukan pada kedalaman 3m mengikut perbincangan dengan 'consultant'. Perbincangan hendaklah dilakukan semasa membuat kerja. Kerjasama dari semua pihak mestilah dipatuhi bagi mendapatkan keputusan yang tepat.

### 5.3.4 Menyimpan bahan-bahan Pembinaan Cerucuk.

Pembinaan stor yang lengkap mestilah disediakan dengan sempurna, supaya bahan yang diterima mendapat kualiti yang ditetapkan. Bahan-bahan pembinaan hendaklah disimpan ditempat kering dan jauh dari kanak-kanak.



**Gambarfoto 5.5 : Stor untuk menyimpan bahan-bahan binaan.**



#### 5.4 Cadangan

Hasil daripada pemerhatian penulis, terdapat beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh penulis bagi menyelesaikan masalah-masalah diatas. Diantaranya ialah bagi masalah pencemaran bunyi yang berlaku penulis berpendapat bahawa kerja-kerja penanaman mungkin boleh dilakukan selepas waktu pesekolahan tamat.

Selain itu, pekerja-pekerja haruslah merancang terlebih dahulu sebelum melakukan penanaman supaya tiada masalah yang akan berlaku contohnya masalah melibatkan kesilapan memilih 'point' yang harus ditanam cerucuk terlebih dahulu yang menyebabkan kesukaran pada mesin cerucuk untuk bergerak. Bagi masalah penyimpanan cerucuk di tapak bina pula, pihak pengurusan (kontraktor) haruslah cekat bagi memastikan tempat penyimpanan adalah sesuai dan dapat memudahkan kerja mereka untuk mengalihkan mesin dan mengambil cerucuk.

## BAB 6

### KESIMPULAN

Industri pembinaan merupakan satu industri yang terbesar dan penting untuk pembangunan sesebuah Negara. Industri ini telah banyak menyumbangkan pendapatan kepada Negara. Ia dapat dilihat dengan jelas dengan adanya projek pembinaan dimerata-rata tempat diseluruh Negara. Pembangunan Negara bergantung sepenuhnya kepada industri pembinaan ini. Dengan kemajuan industri ini rakyat mendapat pelbagai manfaat daripadanya seperti keselesaan hidup dan peluang pekerjaan kepada mereka lebih luas. Individu juga akan lebih berjaya dengan penglibatan mereka dalam industri ini.

Laporan ini telah menerangkan serba sedikit tentang pembinaan jenis-jenis cerucuk dan kaedah penanaman cerucuk yang digunakan di setiap pembinaan yang dilakukan. Cerucuk penting dan semestinya diperlukan dimana-mana projek pembinaan yang dilakukan. Laporan ini telah dibuat oleh penulis setelah penulis menjalani latihan praktikal dengan syarikat Belhara Piling & Construction SDN. BHD. Penulis telah ditempatkan di pembinaan yang berkaitan dengan cerucuk. Sepanjang latihan praktikal disini penulis telah memerhatikan pelbagai kerja yang berkaitan dengan pembinaan dan telah memilih tajuk kerja cerucuk sebagai tajuk untuk laporan ini. Keperluan rekabentuk kerja cerucuk mestilah disediakan sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan dan telah menambahkan lagi pengetahuan kepada penulis. Kerja cerucuk yang digunakan dalam kajian penulis ialah 'micro piles'.

Kajian terhadap pembinaan cerucuk telah memberikan pengetahuan yang lebih kerana penulis dapat mengetahui pelbagai kaedah penanaman cerucuk yang telah digunakan. Pendedahan penulis terhadap definisi, jenis cerucuk, jenis bahan yang digunakan, kaedah pembinaan dan ciri-ciri cerucuk dapat menambahkan lagi

maklumat-maklumat mengenai kerja cerucuk ini. Maklumat-maklumat ini telah diadaptasi oleh penulis samada daripada buku-buku rujukan, temubual kepada orang-orang yang terlibat dan daripada blog-blog di internet. Penulis juga telah mendapat pelbagai pengalaman disepanjang latihan praktikal yang telah penulis lalui selama enam bulan di tapak pembinaan ini.

## SENARAI RUJUKAN

### BUKU

Shamsher Prakash. (1990), Pile Foundation in Engineering Practice, Canada, John Wiley and Son, Inc.

### MAJALAH/ARTIKEL/BULETIN/JURNAL

Barley, A.D. and Woodward, M.A. (1992). High loading of Slender Mini piles, Proceedings, ICE Conference on Piling European Practice and World Wide trends, Thomas Telford, London. Page 131-136.

Bruce, D.A. (1984). "The Drilling and Treatment of Overburden." Geodrilling, August and October, page 11.

Pritchard, D. (2007, December 19). Piling-Foundation. Retrieved January 14, 2010, from <http://ezinearticle.com/?piling---Foundation&id=888550>  
[www.geoprofound.com](http://www.geoprofound.com)

Con-Tech Systems Ltd, Micro-Pile Reinforcement Systems and Corrosion Protection, Horst Aschenbroich,.

[www.efka.utm.my/thesis/.../SYAHZIMISX005619AWb04TT1](http://www.efka.utm.my/thesis/.../SYAHZIMISX005619AWb04TT1)

[www.upm.edu.my/webkaw/coursenotes/](http://www.upm.edu.my/webkaw/coursenotes/)

[www.piling.com](http://www.piling.com)

[www.efka.utm.my/thesis/.../sitifatimahba03b0104ttp.half](http://www.efka.utm.my/thesis/.../sitifatimahba03b0104ttp.half)

**DOKUMEN KERAJAAN**

U. S. Department of Transportation, (2003), Micropiles, Lakewood, Federal Highway Administration.

Spesifikasi JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2006). Penanaman Asas Cerucuk .

**TESIS**

Ir. Liew Shaw Shong dan Fong Chew Chung, (2003), Design and Construction of Mini Piles, Gue and Partner Sdn. Bhd.